

# Kesehatan berkualiti rakyat dijaga

**BINTULU:** Kerajaan Sarawak sentiasa mengambil berat tentang keperluan penjagaan kesihatan yang berkualiti kepada rakyat.

Timbalan Menteri Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Sarawak, Datuk Penguang Manggil berkata, kerajaan Sarawak menyokong langkah pencegahan yang dilakukan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dalam mengadakan kempen menggalakkan ujian Kadar Penapisan Glomerular (eGFR) dalam kalangan pesakit yang berpotensi mendapat penyakit buah pinggang.

"Selain itu, melalui platform [www.mybuahpinggang.com](http://www.mybuahpinggang.com) satu modul khas dibangunkan oleh sekumpulan pakar perubatan untuk pesakit buah pinggang tahap empat dan lima bagi mendapatkan maklumat penting bagi membantu rawatan mereka dan meningkatkan kualiti hidup.

"Turut diperkenalkan modul yang dikenali sebagai Program Pendidikan Pradialisis telah dihasilkan dengan sokongan

Baxter Healthcare Malaysia dan dibangunkan dengan kerjasama Perkhidmatan Nefrologi KKM, Persatuan Nefrologi Malaysia, Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan dan Astra Zeneca," katanya.

Beliau berucap mewakili Premier Sarawak, Datuk Patinggi Tan Sri Abang Johari Tun Openg merasmikan Pembukaan SJAM-KPS Pusat Hemodialisis Bintulu (Station 10) di Bintulu, kelmarin.

Jelas Datuk Dr. Penguang lagi, dengan adanya modul ini dan platform [www.mybuahpinggang.com](http://www.mybuahpinggang.com), akan dapat memberikan maklumat lengkap untuk pesakit dan ahli keluarga memahami cabaran penyakit buah pinggang dan cara menjalani kehidupan yang sihat.

Dalam pada itu, beliau turut memberitahu Kerajaan Sarawak sentiasa menghargai usaha murni yang ditunjukkan Yayasan SJAM-KPS serta kerajaan, swasta, NGO dan rakan pembangunan yang lain untuk sama-sama dalam membawa kualiti dan prestasi sistem kesihatan awam di Sarawak.

"Kami menghargai usaha yang ditunjukkan oleh Yayasan SJAM-



**TERIMA KASIH...** Datuk Penguang Manggil menerima cenderamata semasa merasmikan Pembukaan SJAM-KPS Pusat Hemodialisis Bintulu (Station 10) di Bintulu, kelmarin.

KPS dalam usaha penambahbaikan kualiti hidup ini, supaya rawatan dialisis dapat dilakukan dengan lebih mudah kepada pesakit yang memerlukan dan berharap lebih banyak pusat dialisis dapat ditubuhkan di Sarawak untuk memenuhi keperluan

mereka yang rendah dan komuniti berpendapatan sederhana," ujarnya lagi.

Hadir sama, Ketua Pegawai Operasi, St. John Ambulans Malaysia-Kawasan Pantai Selangor, Dato' Yeo Kim Thong, Pengerusi Pengelola, Majlis

Perasmian Pusat Hemodialisis SIAM-KPS Bintulu (Stesen 10) Dr Lim Tee Leong, bekas Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Malaysia), Tan Sri Dato Seri Dr Ting Chew Peh dan Residen Bahagian Bintulu, Datu Jack Aman Luat.